

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
PEMBINAAN MASJID BARU KAMPUNG PANDAMAR KLANG**

1. TAJUK PERSOALAN

Persoalan ini dikemukakan kepada Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Negeri Selangor untuk mendapat pertimbangan dan keputusan mengenai pembinaan masjid baru bagi menggantikan masjid yang sedia ada serta kedudukannya di Kampung Pandamar, Klang, Selangor.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Tapak masjid yang sedia ada merupakan tanah wakaf khas untuk masjid yang telah diwakafkan oleh Allahyarham Tuan Haji Asraf pada tahun 1960 tapah tersebut telah dibesarkan kawasannya dengan membeli tanah di sebelah masjid hasil dari kutipan derma daripada penduduk setempat.

2.2 Penduduk Kampung Pandamar, Klang merancang untuk mendirikan sebuah masjid baru bagi menggantikan masjid yang sedia ada memandangkan masjid tersebut tidak dapat lagi menampung jemaah yang kian bertambah ekoran pembangunan yang dijalankan disekitar kariah Kampung Pandamar, Klang.

3. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Negeri Selangor sebulat suara memutuskan bahawa agar pihak Jawatankuasa Masjid mengadakan perbincangan dengan pihak JKR untuk membuat satu plan yang boleh memasukkan semaksimum mungkin tanah wakaf yang asal untuk memelihara konsep wakaf yang sebenar.

“Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(FATWA) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti maka dibolehkan membina masjid baru

Kampung Pandamar dengan memasukkan semaksimal yang mungkin tanah wakaf yang asal”.